

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 17 MEI 2016

SOALAN :

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran lanjut peruntukan pembangunan Parlimen kepada kawasan Parlimen Bukit Mertajam dari 2008-2016, ikut pecahan tahun, jenis projek, kos, pihak penyelaras serta syarikat kontraktor yang terlibat.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan sebanyak 121 program/projek pembangunan dengan kos sebanyak RM4.58 bilion di Bukit Mertajam dalam tempoh 2008 hingga 2016.

Pecahan berdasarkan jenis projek yang telah dilaksanakan dari Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) hingga ke Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) adalah seperti berikut:

Bil.	Rancangan Malaysia (RMK)	Jenis Projek	Bil. Projek	Kos Projek (RMBilion)
1	Rancangan Malaysia Kesembilan (2008-2010)	Fizikal	75	1.48
		Bukan Fizikal	2	0.03
2	Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015)	Fizikal	31	1.52
		Bukan Fizikal	1	0.004
3	Rancangan Malaysia Kesebelas (2016)	Fizikal	12	1.55
JUMLAH			121	4.584

Kesemua projek tersebut diselaraskan oleh pelbagai jabatan serta agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kementerian-kementerian yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan projek-projek tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontraktor yang terlibat bagi melaksanakan projek-projek tersebut terdiri daripada syarikat yang memenuhi kriteria yang telah digariskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Sekian, terima kasih.